

UM - 6 MAR 2004

Oleh **AZMAN ANUAR**
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA ini semua ahli parti politik yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-11 menunggu hari penamaan calon pada 13 Mac dan lapan hari kemudian untuk pembuangan undi dengan penuh debaran.

Kini segala teka-teki tarikh pilihan raya umum sudah selesai. Dewan Rakyat (Parlimen) dan semua Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali Sarawak telah dibubarkan secara rasmi pada 4 Mac 2004.

Pilihan raya yang ditunggu-tunggu khususnya oleh parti-parti pembangkang akan diadakan dua minggu atau 14 hari bermula hari ini.

Ramalan banyak pihak mengenai pembubaran Parlimen begitu kuat dan hampir betul setelah mengambil kira pembatalan pemergian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah ke Sidang Kemuncak G-1 5 di Caracas, Venezuela pada 27 Februari lalu, dan juga pembatalan pemergiannya ke Los Angeles, Amerika Syarikat bagi melawat isterinya, Datin Sen Endon Mahmood yang ketika itu menerima rawatan di sana.

Menjelang 13 Mac ini, ahli-ahli politik

Patuhi tatasusila ketika

ANALISIS Pilihan raya

berdebar-debar sama ada mereka akan dipilih, dikekalkan atau digugurkan sebagai calon parti masing-masing.

Pilihan raya kali ini bukan sahaja ujian bagi Abdullah yang mengetuai pertama kali Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya umum tetapi perkara yang lebih serius ialah soal penentuan mandat daripada majoriti rakyat bagi pembentukan sesebuah kerajaan. Jadi ujian pilihan raya ini juga patut dirasakan oleh rakyat.

Walaupun peraturan baru Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan kempen-kempen berupa penampilan poster, bendera dan siri ceramah tidak dibenarkan diadakan sehingga hari penamaan calon pada 13 Mac ini, tetapi dijangkakan jentera parti politik tidak akan membuang masa lagi.

Selepas berkempen sejak dua tahun lalu iaitu selepas pengumuman Tun Dr. Mahathir Mohamad berhasrat melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden

UMNO pada Jun 2002, rakyat telah puas mendengar pelbagai pandangan dan kritikan daripada parti pembangkang dalam tempoh tersebut.

Paling mendukacitakan apabila pentas ceramah parti pembangkang menjadi medan maki hamun kerajaan dan pemimpin terutama terhadap Dr. Mahathir dan UMNO.

Kini Dr. Mahathir tidak lagi memimpin BN dan UMNO, barangkali pembangkang kehilangan semangat untuk mengungkit isu-isu lama mengenai bekas Perdana Menteri itu.

Justeru, kita tidak berasa pelik jika dalam usaha memancing undi, pelbagai kenyataan dikeluarkan yang biasanya tidak logik, menyakitkan hati dan menyinggung perasaan.

Tentulah selepas pembubaran serentak Parlimen dan DUN, parti-parti pembangkang akan ghairah berkempen walaupun hari untuk berkempen belum dibenarkan.

Semua parti mahu menang dalam pilihan raya kali ini. Biar apa pun harapan parti-parti politik, tidak dinafikan mereka akan bekerja lebih keras untuk memenangi hati para pengundi yang dianggarkan

berkempen

berjumlah 10.3 juta.

Parti-parti politik akan menyediakan bilik-bilik gerakan untuk memantau pergerakan dan perkembangan di setiap kawasan Parlimen dan DUN. Banyak tenaga penceramah akan dilantik untuk mengempur kubu lawan di samping meyakinkan para penyokong untuk memberi sokongan kepada parti dan calon mereka.

Biasanya ceramah akan berlarutan hingga ke tengah malam dan bagi pekerja parti serta calon-calon yang bertanding, masa untuk mereka kini adalah terbatas.

Malaysia mengamalkan kebebasan bersuara, jadi sudah tentu masyarakat akan berpeluang mendengar pelbagai janji, kritikan, celoteh dan serangan terhadap calon dan parti politik yang bertanding.

Mereka yang pandai bercakap dan berpidato akan mampu menarik ramai pendengar yang boleh mencecah ribuan orang. Tidak kiralah ucapan mereka berbentuk nasihat, ingatan, panduan atau paling teruk maki hamun dengan kata-kata lucu dan mencarut.

Justeru, dalam budaya kempen, perkara yang mungkin tidak dapat dielakkan ialah serangan ke atas isu peribadi seseorang.

Pelbagai gelaran akan diberikan. Mereka akan mencari segala keburukan dan kemungkaran lawan, segala dibongkurkan dengan satu tujuan untuk menarik perhatian masyarakat.

Bagi sesetengah calon, agenda peribadi menjadi topik utama untuk mencapai cita-cita mendapatkan kuasa. Atas nama demokrasi mereka akan memperkecilkan orang lain dan mengangkat martabat tokoh mereka.

Bagi masyarakat umum, apa yang diharapkan dalam tempoh berkempen ialah semua pihak, sama ada yang mendakwa mereka penyokong kerajaan atau pembangkang supaya mengelakkan sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan keresahan.

Jika kita cintakan demokrasi dan suasananya harmoni dalam pilihan raya kali ini dapat dijalankan dengan adil, maka janganlah ada mana-mana pihak cuba mencetuskan kekacauan bagi menakut-nakutkan pengundi dan menggagalkan pilihan raya. Biar rakyat bebas menentukan siapakah yang mereka mahu untuk bersamasama mencorakkan pemerintahan negeri atau negara bagi tempoh lima tahun lagi.